

PORT DICKSON, 29 NOV. (BERNAMA)—DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENGGESA SETIAP RAKYAT MEMPUK NILAI-NILAI KERAJINAN DAN DISIPLIN UNTUK MENJAMIN KEMAJUAN NEGARA DALAM SEMUA BIDANG SOSIO-EKONOMI.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ITU BERKATA CONTOH YANG DITUNJUKAN OLEH DUA BUAH NEGARA ASIA IA ITU KOREA SELATAN DAN JEPUN PATUT DITAUHADKAN KERANA DENGAN MENGAMALKAN KEDUA-DUA NILAI ITU, MEREKA TELAH MENCAPI KEMAJUAN PEMBANGUNAN YANG AMAT PESAT.

SEBALIKNYA KATANYA, KEMALASAN RAKYAT HANYA AKAN MEMBAWA KELEMAHAN KEPADA NEGARA SEBAGAIMANA YANG DITUNJUKAN OLEH SEBUAH NEGARA EROPAH YANG DULUNYA PERNAH MENJADI SATU KUASA BESAR DI DUNIA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERINDUSTRIAN DAN PERDAGANGAN, MENEGASKAN DEMIKIAN KETIKA BERUCAP MERASMIKAN SEMINAR NILAI-NILAI BERSAMA ANJURAN KEMENTERIAN PENERANGAN, DI HOTEL FEDERAL, TELOK KEMANG, DEKAT SINI.

BELIAU KEŠAL ADA GOLONGAN YANG MENERIMA KEMALASAN SEBAGAI SATU NILAI DAN TIDAK SETUJU RAKYAT MENUNJUKKAN KERAJINAN YANG KERTERLALUAN SEPERTI ROBOT.

BELIAU MENINGATKAN SIKAP SEPERTI ITU AKAN MEMBAWA RAKYAT KEPADA SATU KEADAAN YANG SETERUSNYA MEMBAWA KEJATUHAN KEPADA NEGARA SENDIRI SEPERTI NEGARA EROPAH BERKENAAN.

—BERSAMBUNG HM 1356

B510

MAHATHIR 2 PORT DICKSON

KATANYA SETIAP RAKYAT NEGARA INI, YANG TERDIRI DARI TIGA KAUM TERBESAR, HARUS MENCARI PERSAMAAN DALAM NILAI-NILAI YANG TERDAPAT PADA MEREKA AGAR PERPADUAN SEBENARNYA DAPAT DIWUJUDKAN.

PENTINGNYA PERSAMAAN NILAI-NILAI ANTARA KAUM INI BUKAN TERLETAK PADA KATA-KATA TETAPI APA YANG DIAMALKAN KEARAH MATLAMAT PERPADUAN ITU, TEGASNYA.

BELIAU BERHARAP SEMINAR YANG DIANJURKAN INI AKAN MEMBUKA JALAN MENCARI SEGALA PERSAMAAN NILAI-NILAI KETIGA-TIGA KAUM ITU YANG KELAK AKAN MENDORONG SETIAP RAKYAT UNTUK BERSAMA-SAMA MEMBANGUNKAN NEGARA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI MENASIHATKAN PARA PESERTA SEMINAR ITU MENGELAKKAN DIRI DARI MENGECEM DAN MENKRITIK TETAPI HENDAKLAH MENUMPUKAN MASA KE ARAH MENCARI NILAI-NILAI BERSAMA YANG DAPAT MEMBAIKI MASYARAKAT SEKELILING SECARA MENYELURUH.

TIMBALAN MENTERI PENERANGAN, DR. LING LIONG SIK, MEMBERITAHU SATU KUMPULAN PETUGAS NILAI-NILAI BERSAMA TELAH DITUBUHKAN OLEH KEMENTERIANNYA UNTUK

MENGUMPUL MAKLUMAT-MAKLUMAT TRADISI DAN NILAI BERSAMA DALAM KONTEK

KEBUDAYAAN SEMUA KAUM DINEGARA INI.

KATANYA DARI KERJA-KERJA AWALAN, PASUKAN PETUGAS INI PERCAYA RAKYAT KINI SEDANG MENUJU KE MATLAMAT PERPADUAN YANG NYATA KERANA SIKAP DAN PANDANGAN MEREKA YANG BANYAK MEMPUNYAI PERSAMAAN.

—BERSAMBUNG HM 1356  
MAHATHIR 3 PORT DICKSON

KATANYA ADALAH MENJADI TUGAS SETIAP RAKYAT MENCHUNGKIL NILAI-NILAI BERSAMA YANG TERPENDAM DALAM SEMUA JENIS KEBUDAYAAN DAN TRADISI DAN MENGGUNAKANNYA SEBAGAI ASAS UNTUK MEMBENTUK SATU MASYARAKAT MALAYSIA YANG BERSATUPADU.

TIGA KERTAS KERJA MENGENAI NILAI-NILAI DALAM KEBUDAYAAN MELAYU, CINA DAN INDIA AKAN DI BENTANGKAN DALAM SEMINAR TIGA HARI ITU YANG AKAN DITUTUP OLEH MENTERI PENERANGAN, DATUK MOHAMED RAHMAT ISNIN INI.

—BERNAMA HM 1403